

13/06/1997

Naga Merah muncul lagi

Misiah Taib

IKAN Naga Merah kembali lagi. Kali ini ia menggemparkan penduduk Kampung Sinar Budi, kira-kira 16 kilometer dari Kuching.

Ikan seberat kira-kira 80 kilogram dan panjangnya kira-kira 1.7 meter itu dijumpai terdampar dekat tebing Sungai Batu Kawa oleh dua pelajar Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) Batu Kawa, Mohamad Helmi Apong, 16, dan Mahathir Abdullah, 15.

Mereka terserempak dengan ikan berkenaan sewaktu sedang mencuci motosikal di tepi Sungai Batu Kawa, kira-kira jam 8 pagi hari berkenaan.

Sebelum ini, Joran melaporkan ikan Naga Merah ditemui di Sungai Kampung Seri Paya, Kulai Johor.

Ahli Zoologi Jabatan Muzium Sarawak, Dr Charles Leh, yang melihat sendiri ikan berkenaan mengesahkan ia adalah Arapaima Gigas yang berasal dari Amerika Selatan. Ia adalah spesies ikan air tawar terbesar di dunia.

Menurutnya, ikan berkenaan adalah ikan akuarium. Walaupun penduduk menganggapnya sebagai besar tetapi hakikatnya tidak demikian. Difahamkan ikan Arapaima Gigas terbesar pernah ditemui setakat ini ialah seberat 200 kilogram dan panjangnya 4.5 meter.

Menceritakan penemuan ikan itu, Helmi berkata sewaktu sedang mencuci motosikal bersama Mahathir, dia terlihat satu objek besar terdampar di atas lumpur dekat tebing sungai itu.

"Saya mengajak Mahathir menghampirinya dan apabila sudah dekat saya dapati ia adalah seekor ikan besar yang sudah mati ... mungkin kerana terlalu lama terdampar di pantai.

"Kami memanggil seorang penduduk yang tinggal berhampiran, Simot Bismillah, 34, yang kebetulan sedang menjemur kain. Simot membantu kami berdua menarik ikan ini ke darat," katanya.

Penemuan itu menarik perhatian penduduk kampung berkenaan. Ia adalah ikan terbesar pernah ditemui di kampung itu sejak ia mula didiami 60 tahun lalu.

(END)